

Bah

KERAJAAN AKAN PASTIKAN PIHAK ATASAN PATUHI UNDANG-UNDANG  
Mahathir - Kereta

KOTA BAHARU, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memastikan pihak atasan mematuhi undang-undang melalui pelaksanaan kod etika (tatacara perilaku) Raja-raja yang sedang dirangka oleh U M N O .

Perdana Menteri berkata pihak atasan sepatutnya menunjukkan tauladan yang baik kepada rakyat mengenai keperluan menghormati peraturandan undang-undang negara.

+Saya dukacita dengan tindakan yang menyalahi undang-undang kerana mereka sepatutnya menunjukkan tauladan baik kepada rakyat kerana tindakan seperti itu akan menjejaskan undang-undang dan peraturan. + katanya bagi mengulas laporan kejadian seorang kerabat diraja melarikan sebuah kereta jenis mewah dari terminal kargo, MAS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang tanpa membayar cukai importnya yang dianggarkan \$2 juta.

Bercakap kepada pemberita di sini malam ini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil tindakan biasa termasuk merampas semula kereta berkenaan untuk menentukan undang-undang dipatuhi.

+Kita perlu bertindak setakat yang kita mampu supaya tidak timbul persoalan mengapa tindakan tidak diambil terhadap si polan-sipolan sedanyakan tindakan diambil ke atas orang yang tidak mempunyai kedudukan, + tambah beliau. -- Lagi

U GB 23-03 00112 BH368

B a h

Mahathir - Kereta 2 Kota Baharu

Dalam kejadian itu, pegawai-pegawai Kastam tidak dapat menahan kereta itu daripada dilarikan kerana ia membabitkan kerabat diraja dari sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung.

Kereta jenis +Lamborghini+ buatan Itali itu dikatakan dibawa masuk ke negara ini dengan penerbangan kargo MAS dari London dua minggu lepas.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa dukacita terhadap langkah Singapura untuk mengenakan levi terhadap kereta-kereta berdaftar negara lain memasuki republik itu.

Katanya, tindakan itu menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan rakyat negara ini.

Mengenai Projek Hidro-Elektrik, Pergau, Dr Mahathir berkata kerja-kerja pembinaannya berjalan seperti biasa tanpa gangguan. -- Lagi

♥23/03/23-13MST

CNS3767

U GB 23-03 00114 BH369

B a h

Mahathir - Kereta 3 (Akhir) Kota Baharu

Katanya, kerajaan akan membayar tuntutan setakat mana yang patut, manakala Yang lebih daripada biasa tidak akan dibayar.

Bagaimanapun, beliau berkata setakat ini tidak ada keputusan dibuat mengenai tuntutan Yang diminta oleh kerajaan negeri Kelantan.

Mengenai tindakan 14 orang anggota pertubuhan bukan kerajaan dari negara ini yang menjalankan kempen anti kayu tropika Malaysia dan Nepal, beliau berkata Kerajaan hanya boleh mendedahkan mereka Yang terbabit selepas mendapatkan pengesahan.

+Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan, melainkan mendedahkan mereka Yang cuma memperjuangkan kepentingan orang asing daripada negara sendiri agar rakyat tahu apa jenis orang mereka ini, + katanya. -- Bernama

♥23/03/23-16MST